



## **INTEGRITI-PSMB METERAI MOU PERKASA BUDAYA BERINTEGRITI**

Laporan penuh di muka surat 07

## CONTENTS / KANDUNGAN



### EDITORIAL / EDITORIAL

- 03 **INTEGRITI** hargai komitmen Menteri Sumber Manusia

### NEWS / BERITA

- 04 Komedi Integriti Berdiri: Mencari kelainan memupuk budaya berintegriti
- 06 Roadshow INTEGRITI: **INTEGRITI** bantu kerajaan negeri gubal pelan integriti
- 07 **INTEGRITI**-Perbadanan Sumber Manusia meterai MoU perkasa budaya berintegriti
- 08 YaPEIM ikuti program Etika & Integriti susulan kepada IAT
- 09 Breakfast Talk **INTEGRITI**: PKNS ambil usaha holistik kukuh integriti
- 10 Sembang Integriti Politik: Integriti politik orang muda, media sosial jadi senjata
- 11 Bengkel pembangunan PIO KEJORA

### FEATURES / RENCANA

- 12 *Teachers, students must have mutual respect in classroom*
- 13 *Change and the importance of core values*

### NEW BOOKS IN OUR LIBRARY / BUKU BAHARU DI PUSAT ILMU INTEGRITI

- 14 *Business, Integrity and Peace: Beyond Geopolitical and Disciplinary Boundaries*
- Ethical Leadership: Progress with a Moral Compass*

### GALLERY / GALERI

- 15 Berita bergambar tentang aktiviti-aktiviti lain di **INTEGRITI**

## EDITORIAL TEAM / SIDANG PENGARANG

#### Advisor / Penasihat

Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff

#### Editor / Pengarang

Dr G Manimaran

#### Assistant Editor / Penolong Pengarang

Aimi Farhana Mohd Amin

#### Photographer / Jurufoto

Izal Arif Zahrudin  
Rosalizawati Arshad

#### Contributors / Penyumbang

Harisham Ibrahim  
Zubayry Abady Sofian

Published monthly by / Diterbitkan setiap bulan oleh

**INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA**

Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: +603-6209 2000 Website: www.integriti.my

# INTEGRITI HARGAI KOMITMEN MENTERI SUMBER MANUSIA

Lima bulan yang lalu, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) mengambil langkah luar biasa dengan memperkenalkan Taklimat Integriti sebagai inisiatif terbaharu untuk memupuk budaya berintegriti. INTEGRITI bersyukur kerana inisiatif ini mula mendapat sambutan daripada banyak pihak. Taklimat Integriti telah menjadi sebahagian daripada pengisian program atau aktiviti anjuran INTEGRITI.

INTEGRITI turut berbangga apabila Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem ketika berucap pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara INTEGRITI dan Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB), bagi membolehkan penggunaan instrumen Profil Integriti Malaysia (MIP) pada 22 Februari, memetik mesej yang terkandung dalam Taklimat Integriti. Antara lain Dato' Sri Richard Riot berkata, beliau mahu warga kerja PSMB memperkasakan "amalan budaya berintegriti" dengan menghayati 12 perkara yang terkandung dalam Taklimat Integriti. INTEGRITI menghargai komitmen yang diperlihatkan oleh beliau.

Sesungguhnya komitmen beliau itu amat bermakna bagi INTEGRITI yang mengharapkan sokongan padu setiap anggota masyarakat dalam menjayakan agenda budaya berintegriti dalam jangka panjang.

PSMB merupakan agensi pertama di bawah portfolio Kementerian Sumber Manusia menandatangani MoU dengan INTEGRITI. Kata beliau, MoU yang ditandatangani itu membuktikan komitmen PSMB dalam melaksanakan tanggungjawab secara berintegriti dan membuktikan sokongan penuh terhadap usaha pencegahan rasuah oleh Kerajaan Malaysia. "Kita perlu bergerak bersama agar perkhidmatan yang ditawarkan kepada masyarakat dan setiap pihak berkepentingan dapat dijalankan secara beramanah dan menjadi contoh kepada agensi dan jabatan kerajaan atau swasta yang lain," kata beliau.

Seperti disebutkan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff, terdapat banyak lagi usaha yang telah INTEGRITI lakukan. Namun dalam konteks kerjasama dengan PSMB, INTEGRITI berharap permulaan ini akan menjadi pemangkin yang penting ke arah usaha sama PSMB dan INTEGRITI dalam membantu negara mencapai matlamat mewujudkan rakyat yang berintegriti tinggi. "Saya yakin usaha ini juga akan dapat meningkatkan produktiviti di tempat kerja terutama apabila tenaga kerja faham kepentingan integriti dalam sesebuah organisasi," kata beliau.

Sebagaimana disaksikan sepanjang bulan lalu, INTEGRITI meneruskan momentum itu pada bulan Februari. Ini termasuklah mengadakan Roadshow INTEGRITI peringkat negeri Kelantan pada 5 Februari. Antara program lain yang turut mendapat sambutan baik daripada orang ramai ialah Komedi Integriti Berdiri yang menampilkan penerbit, pelawak, penulis skrip, pelakon, pengacara dan penyanyi yang tidak asing lagi, Dato' Afdlin Shauki dan Nizam Jentik-Jentik iaitu pelawak dan peserta Separuh Akhir Program Lawak Solo Astro 2016. Kedua-dua ikon itu tampil menggunakan skil dan pengalaman bernilai mereka untuk menyuntik nilai budaya berintegriti pada diri hadirin yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur, agama dan kaum.

Current Awareness Service Edisi Februari muncul dengan pelbagai bahan menarik, yang diyakini akan menjadi hidangan panduan dan pedoman bagi meningkatkan keberkesanan usaha memupuk dan menghayati budaya berintegriti, sekali gus mencapai objektif Pelan Integriti Nasional (PIN).

Salam hormat. Selamat membaca.

**INTEGRITI DI HATI**

**DR G MANIMARAN**

# KOMEDI INTEGRITI BERDIRI: MENCARI KELAINAN MEMUPUK BUDAYA BERINTEGRITI

Oleh G Manimaran

**I**NTEGRITI sememangnya satu istilah yang berat untuk ditafsirkan. Pun begitu, persembahan penerbit, pelawak, penulis skrip, pelakon, pengacara dan penyanyi yang tidak asing lagi, Dato' Afdlin Shauki dan Nizam Jentik-Jentik, pelawak dan peserta Separuh Akhir Program Lawak Solo Astro 2016, yang pernah dibimbing oleh Afdlin sendiri, berjaya mengubah tanggapan itu menerusi program *Integrity Art Night* anjuran Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) pada 7 Februari lalu.

Kedua-dua 'ikon' itu tampil menggunakan skil dan pengalaman mereka untuk memupuk budaya berintegriti pada diri hadirin yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur, agama dan kaum.

Dalam segmen Komedi Berdiri Integriti yang berlarutan 30 minit, Nizam dengan pantas menekankan mesej integriti. Katanya, "ini satu cabaran

besar... integriti."

Menegaskan pendiriannya, Nizam, seorang arkitek berkata, "kalau saya ini nak jadi kaya, boleh..." Beliau dengan serius menyampaikan mesej bahawa ada banyak ruang dan peluang yang boleh membawa kepada kemungkinan pelanggaran integriti. Pengalamannya membawa kepada beliau berkongsi mengenai peri pentingnya integriti. Tegas Nizam, apa yang penting adalah "kita perlu berintegriti."

"Saya tidak perlu tiru jenaka-jenaka orang lain," kata Nizam yang terus menekankan keperluan budaya berintegriti di mana sahaja seseorang itu berkecimpung.



Dato' Afdlin Shauki dengan disaksikan oleh Datuk Dr Anis Yusal menyampaikan pandangan beliau dalam program *Integrity Art Night*.

"Saya kena jadi saya... kita kena jadi kita, tak perlu menjadi orang lain," kata beliau yang menjustifikasikan keperluan itu.

Nizam Jentik-Jentik menyampaikan persembahan 'Stand-up Comedy'. Meneruskan pelbagai contoh bagaimana integriti boleh dibudayakan dan diamalkan, Nizam menambah, setiap individu perlu mengutamakan budaya berintegriti dan ia harus bermula dari kecil dan di peringkat keluarga itu sendiri.

"Ini yang saya selalu tekankan. Kita perlu memulakan perkara ini. Keluarga adalah tempat yang penting bagi memupuk budaya berintegriti.

"Misalnya, saya beritahu anak saya, bila hendak membuang sampah, jika tidak ada tong sampah, saya akan minta mereka jangan buang sampah merata tempat, simpan dalam poket sehingga jumpa tong sampah... ini antara nilai yang kita perlu tekankan," kata beliau yang tidak henti-henti memikat pada hadirin.



Nizam Jentik-Jentik memikat para hadirin menerusi persembahan menarik beliau.

Dalam memperjuangkan agenda integriti, terdapat pelbagai cara atau kaedah yang boleh diguna pakai. Ia tidak tertakluk kepada kaedah pembelajaran secara khusus atau yang serius mahupun siri taklimat dan ceramah semata-mata.

Justeru INTEGRITI mengambil inisiatif menyebarkan mesej integriti kepada masyarakat dengan menganjurkan Program Integrity Art Night, sekali gus menarik minat para penggiat seni untuk bersama-sama dengan INTEGRITI memupuk budaya berintegriti dalam kalangan rakyat negara ini, selari dengan objektif Pelan Integriti Nasional (PIN).

Nizam berkata, PIN merupakan satu 'kitab' yang menekankan bahawa perlu ada iltizam jika mahu berintegriti. Jika tidak ada iltizam, kata beliau, seseorang itu akan terdedah kepada isu-isu integriti.

PIN menggariskan, menularnya rasuah, ketidakcekapan, penyelewengan, salah guna kuasa, penipuan dan perlakuan tidak beretika yang lain serta berkurangnya semangat kerja adalah manifestasi kemerosotan integriti individu, organisasi, masyarakat dan negara.

Punca kemerosotan tersebut adalah pelbagai.

Selaku ahli panel utama, Afdlin pula berkongsi pengalaman beliau mengenai kepentingan nilai-nilai integriti untuk disalurkan melalui platform komedi.

Beliau berkongsi pengalaman beliau menerusi segmen Dialog Komedi Reflek Integriti yang dikemudi oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff.

Afdlin menambah, platform komedi mempunyai kelebihan dan kekuatan sendiri dalam menyampaikan mesej-mesej yang 'berat' seperti kepentingan budaya berintegriti.

"Mereka yang terlibat dalam komedi mempunyai kelebihan... mereka lebih 'powerful' berbanding mereka yang terlibat dalam politik kerana mereka menghiburkan khalayak dengan menyediakan konteks... ini kelebihan mereka," kata beliau sambil menekankan bahawa mereka yang terlibat dalam industri komedi perlu mengutamakan integriti dengan tidak menciplak idea orang lain.

Beliau juga berkata platform seni seperti hiburan dan komedi adalah cara yang lebih mudah untuk mendedahkan orang ramai mengenai kepentingan nilai-nilai integriti.

Dalam pada itu, Datuk Anis Yusal berkata, INTEGRITI yakin penganjuran program berbentuk santai ini dapat dijadikan ruang permulaan untuk perbincangan mengenai pengaruh komedi sebagai antara medium penting bagi membudayakan integriti dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, tentunya program ini juga boleh dijadikan asas untuk mendapatkan sokongan para artis tanah air untuk sama-sama membantu INTEGRITI menyebarkan mesej integriti.

Justeru, berdasarkan kepada perkembangan industri komedi yang semakin pesat di Malaysia, INTEGRITI melihat ia sebagai langkah yang amat baik jika komedi dan integriti dapat digabung jalin agar dapat menjadi medium yang paling berkesan untuk mendidik masyarakat dalam membudayakan integriti terutamanya golongan kanak-kanak dan remaja.



Para hadirin yang menjayakan Komedi Berdiri Integriti di Menara INTEGRITI pada 7 Februari lalu. Antara yang hadir mantan Panglima Angkatan Tentera Jeneral (B) Tan Sri Ghazali Md Seth dan pelakon filem dan drama Dato' Ahmad Tarmimi Serigar.



Sesi foto berkumpul di akhir Roadshow INTEGRITI peringkat negeri Kelantan yang berlangsung di Bangunan SUK, Kota Bharu.

## ROADSHOW INTEGRITI: INTEGRITI BANTU KERAJAAN NEGERI GUBAL PELAN INTEGRITI

Oleh G Manimaran

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) akan membantu kerajaan-kerajaan negeri dalam membangunkan pelan integriti negeri masing-masing, sekali gus mewujudkan mekanisme yang lebih efektif bagi memupuk budaya berintegriti tinggi.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff berkata, program Roadshow INTEGRITI dilancarkan pada Ogos tahun lalu, membawa agenda budaya berintegriti ke peringkat negeri dan seterusnya daerah.

Menurut beliau, INTEGRITI juga akan membantu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan menggubal Pelan Integriti Organisasi Pejabat SUK, dan Kerajaan Negeri Kelantan dalam merangka pelan integriti peringkat negeri.

"INTEGRITI juga akan membantu Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mengkoordinasi dan memantau agensi-agensinya dalam menjayakan pelaksanaan program dan aktiviti integriti di negeri masing-masing," kata

beliau selepas majlis perasmian program Roadshow INTEGRITI Peringkat Negeri Kelantan di Bangunan SUK di Kota Bharu pada 5 Februari.

Roadshow INTEGRITI peringkat Kelantan diadakan dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Roadshow INTEGRITI merupakan salah satu mekanisme INTEGRITI untuk membantu kerajaan-kerajaan negeri menjayakan agenda pembudayaan, penghayatan dan pengukuhan integriti selaras dengan Pelan Integriti Nasional (PIN), di mana ia dapat memberi gambaran yang jelas dalam perancangan program atau aktiviti integriti agar lebih tersusun, terarah dan sistematik serta meninggalkan kesan dan impak yang menyeluruh ke atas kumpulan sasaran.

Dalam pada itu, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Dato' Adnan berkata, susulan program Roadshow INTEGRITI kerajaan negeri akan membangunkan Pelan Integriti Negeri

dan juga Pelan Integriti Pejabat SUK Kelantan bagi membolehkan agensi-agensi kerajaan negeri mempunyai Pelan Integriti Organisasi masing-masing.

"Selepas itu kami akan menggunakan instrumen-instrumen yang dibangunkan oleh INTEGRITI seperti Profil Integriti Malaysia (MIP) bagi melahirkan warga kerja yang berintegriti dan menangani kes-kes pelanggaran integriti.

"Kami berharap dengan ini akan dapat mencapai sifar kes pelanggaran integriti. Itu harapan kami," kata beliau.

"Dengan pengenalan kepada Dashboard INTEGRITI, sudah pasti akan dapat memberi banyak faedah dan membantu perancangan program di masa hadapan agar lebih inklusif dan holistik," kata beliau.

Sebanyak 76 isu telah berjaya dihimpunkan hasil Roadshow INTEGRITI peringkat Kelantan. Isu-isu itu turut diiringi dengan idea penyelesaian.

# INTEGRITI- PERBADANAN SUMBER MANUSIA METERAI MoU PERKASA BUDAYA BERINTEGRITI

Oleh G Manimaran



Datuk Dr Anis Yusal (dua dari kanan) bersama Dato' Vignaesvaran, Dato' Dr Mohd Gazali, Dato' Sri Richard Riot, Dato' Paul Low Seng Kuan dan Pemangku Pengerusi PSMB, Dato' Mohamed Elias Abu Bakar.

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dan Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU), satu langkah yang signifikan dalam membantu agensi itu menggunakan Profil Integriti Malaysia (MIP) bagi mengenal pasti isu atau masalah berkaitan dengan integriti.

Di bawah MoU, PSMB akan menggunakan MIP bukan sahaja dalam kalangan kakitangannya, malah membabitkan syarikat-syarikat yang berdaftar dengannya demi melahirkan pemegang berkepentingan yang berintegriti.

Objektif MoU itu adalah untuk memberi persefahaman dan menjalin kerjasama yang efektif antara INTEGRITI dan PSMB dari segi pembangunan profil dan penilaian tahap integriti kakitangan. MIP boleh digunakan untuk proses pengambilan, pengurusan modal insan dan juga pengurusan pihak-pihak berkepentingan yang ada kaitan dengan PSMB.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff berkata, MIP merupakan instrumen ujian integriti bersandarkan kepada 'psychometric test', di mana ujian itu dapat menilai kecenderungan seseorang sama ada mereka bertindak dengan integriti atau sebaliknya.

"Kita berharap instrumen ini dapat dijadikan usaha asas yang dapat

digembleng bersama dengan program latihan sumber manusia agar kita dapat memberi latihan berdasarkan keperluan kepada kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti melalui ujian tersebut," kata beliau ketika berucap pada majlis menandatangani MoU antara INTEGRITI dan PSMB di Wisma PSMB, Kuala Lumpur pada 22 Februari.

Setakat ini kata beliau, sebanyak 16 agensi dan syarikat telah menjalin kerjasama dengan INTEGRITI untuk menggunakan MIP.

Bagi pihak INTEGRITI, MoU itu ditandatangani oleh Datuk Dr Anis Yusal sendiri manakala PSMB pula diwakili oleh Ketua Eksekutifnya, Dato' CM Vignaesvaran Jeyandran dengan disaksikan oleh Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Paul Low Seng Kuan. Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Dato' Dr. Mohd Gazali Abas.

Dalam pada itu, Dato' CM Vignaesvaran memberitahu bahawa pihaknya akan memperkenalkan MIP dalam kalangan kakitangannya dan seterusnya kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan PSMB dan juga individu-individu penyedia latihan.

"Kami akan melaksanakan secara berperingkat-peringkat. Kepada kakitangan, kami akan melaksanakan terlebih dahulu dan kemudian ia akan diperke-

nalkan kepada lebih 20,000 syarikat dan 3,500 penyedia latihan yang berdaftar dengan PSMB," kata beliau.

Beliau berkata, pihaknya telah pun melaksanakan ikrar integriti korporat, tetapi penggunaan MIP akan membantu pihaknya melengkapkan usaha dan program-program memperkasakan budaya berintegriti.

Sementara itu, Dato' Sri Richard Riot berkata, PSMB merupakan agensi pertama di bawah portfolio Kementerian Sumber Manusia menandatangani MoU dengan INTEGRITI.

Kata beliau, MoU yang ditandatangani itu membuktikan komitmen PSMB dalam melaksanakan tanggungjawab secara berintegriti dan membuktikan sokongan penuh terhadap usaha pencegahan rasuah oleh Kerajaan Malaysia.

"Kita perlu bergerak bersama agar perkhidmatan yang ditawarkan kepada masyarakat dan setiap pihak berkepentingan dapat dijalankan secara beramanah dan menjadi contoh kepada agensi dan jabatan kerajaan atau swasta yang lain," kata beliau.

Malah beliau juga mahu warga kerja PSMB memperkasakan "amalan budaya berintegriti" dengan menghayati 12 poin atau perkara yang terkandung dalam Taklimat Integriti, yang diperkenalkan kepada para hadirin pada majlis ini oleh INTEGRITI.



Pegawai-pegawai YaPEIM yang mengikuti program Etika & Integriti bergambar bersama Dr Ahmad Fadzli dan fasilitator program.

## YaPEIM IKUTI PROGAM ETIKA & INTEGRITI SUSULAN KEPADA IAT

Oleh Judlifah Mohd Jamil

“YaPEIM mengambil langkah ke hadapan dengan menyertai program Etika dan Integriti.” Demikian kesimpulan pegawai kanan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Arshad Sian di akhir program Etika & Integriti, yang berlangsung selama dua hari bermula 12 Februari.

Susulan dapatan pelaksanaan Instrumen Penilaian Integriti (IAT), YaPEIM mengambil langkah mengikuti modul latihan yang dibangunkan oleh Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) ini. Langkah ini bertepatan dengan keperluan latihan bagi pemantapan budaya dan amalan integriti. Seramai 23 pegawai kanan YaPEIM telah mengikuti program ini.

“Berbeza dengan program latihan atau kursus yang lain, setiap peserta telah menunjukkan komitmen dan kesungguhan untuk mendapat manfaat

sepenuhnya daripada program dua hari ini,” kata Pengarah Kanan Perundangan, Kualiti dan Pentadbiran, Sharina Ramli yang mewakili Ketua Pengarahnya.

Antara lain, program ini telah dapat meningkatkan kesedaran dan pemahaman diri mengenai isu-isu etika dan integriti dalam kalangan peserta.

Peserta juga telah berpeluang memahami kepentingan etika dan integriti dalam suasana persekitaran yang mencabar. Selain itu, peserta juga dapat mempelajari proses membuat keputusan berlandaskan etika dan integriti dalam pelbagai peringkat dan situasi.

Input paling berkesan hasil program selama dua hari ini adalah melatih keupayaan peserta melaksanakan peranan sebagai pemimpin dalam mendukung nilai-nilai etika dan integriti di semua peringkat, masa dan keadaan

Program ini mencakupi empat aspek utama iaitu *Self-Reflection - Why It Matters, Understanding of Concepts - What They Mean to Me, Ethics and Integrity Decision - Making Process, How to Apply* dan *Living the Life with Ethical and Integrity - Way Forward/Will*.

Pengarah Kanan Pengurusan Strategik dan Perbendaharaan YaPEIM, Pariyah Hassan berkata, modul yang dikongsi berjaya meningkatkan kefahaman dan penerapan nilai integriti sebagai sebahagian daripada kehidupan.

YaPEIM juga akan bekerjasama dengan INTEGRITI untuk mengguna pakai instrumen Profil Integriti Malaysia (MIP) dan pembangunan Pelan Integriti Organisasi (PIO) selepas ini.

Dalam ucapan penutup program ini, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin berkata, INTEGRITI menghargai usaha diambil YaPEIM dengan mengikuti program ini.

“Kami yakin langkah permulaan ini akan membawa kepada impak yang lebih besar dalam mencapai agenda budaya berintegriti. INTEGRITI sedia untuk terus membantu YaPEIM,” kata beliau lagi.



# BREAKFAST TALK INTEGRITI: PKNS AMBIL USAHA HOLISTIK KUKUH INTEGRITI

Oleh Aimi Farhana Mohd Amin

Kerajaan menyediakan mekanisme menggalakkan amalan budaya berintegriti tinggi melalui pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN) pada April 2004. Justeru dalam memastikan keberkesanan inisiatif agenda berintegriti, Program Bicara Breakfast Talk INTEGRITI: Penerapan Budaya Integriti Melalui *Integrity Pact* dianjurkan pada 24 Februari dengan sokongan INTEGRITI. Ia membuktikan komitmen tinggi Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dalam memperkasakan agenda integriti dalam pengurusan dan tadbir urus organisasi.

Mengulas langkah itu, Ketua Pegawai Operasi PKNS, Norita Mohd. Sidek berkata, mekanisme penggerak kepada inisiatif PKNS dalam pembudayaan integriti secara holistik dilihat signifikan menerusi anak-anak syarikat di bawah seliaan PKNS, termasuk pihak ketiga yang berurusan dengan PKNS juga boleh mengambil peluang ini dengan mengadakan program atau sistem kawalan dalaman bagi membantu mengorak langkah pertama bagi mewujudkan tadbir urus yang berintegriti dan telus.

“Pelaksanaan amalan integriti dalam

Norita menerima Integrity Pack yang ditandatangani oleh anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor.



tadbir urus turut menyumbang kepada penjimatan kos kepada organisasi serta peningkatan kualiti kerja dan nilai efisien dalam perkhidmatan,” kata beliau.

Program ini, yang berlangsung di Ibu Pejabat PKNS di Shah Alam menampilkan beliau sebagai pembicara utama manakala Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Dato’ Shamshun Baharin Mohd Jamil dan Pengurus Besar Kanan Management System Certification Department, SIRIM QAS International Sdn. Bhd, Nor’afiza Saim sebagai pembincang. Pengarah dan Ketua Penyelaras Pusat Kordinasi, Pemantauan dan Penilaian INTEGRITI, Hamilye Sham Harun bertindak sebagai moderator.

Sempena program ini, anak syarikat PKNS menandatangani *Integrity Pact* yang merupakan satu proses pengisytiharan oleh pembida dan orang

awam agar tidak menawar atau memberi rasuah kepada anggota PKNS bagi mendapatkan kontrak atau sebagai ganjaran mendapatkan sesuatu kontrak.

Dato’ Shamshun Baharin berkata, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat penting kerana ia memberi perlindungan kepada pemberi maklumat dan juga imuniti daripada tindakan sivil dan jenayah, di mana ia penting bagi melindungi kepentingan mereka.

Nor’afiza pula berkata, SIRIM sedang berusaha untuk meningkatkan kesedaran organisasi di Malaysia, sama ada sektor awam ataupun swasta, untuk menggunakan Sistem Pengurusan Antirasuah iaitu ISO 37001, di mana antara lain bagi mewujudkan persekitaran bebas rasuah. “Ini memerlukan pendekatan bersepadu dan yang baharu,” kata beliau

Dalam pada itu, Hamilye menyifatkan penganjuran program seumpama itu di luar Menara INTEGRITI menunjukkan pihak-pihak berkepentingan sudah mula menerima inisiatif yang diperkenalkan oleh INTEGRITI. “INTEGRITI yakin lebih banyak agensi akan mengambil pendekatan seperti ini. INTEGRITI sedia membantu mana-mana pihak,” kata beliau.



Hamilye (kanan) mengendalikan Breakfast Talk INTEGRITI. Di sebelah kanan beliau ialah Dato’ Shamshun Baharin dan Nor’afiza.

# SEMBANG INTEGRITI POLITIK: INTEGRITI POLITIK ORANG MUDA, MEDIA SOSIAL JADI SENJATA

Oleh Zubayry Abady Sofian



Politik merupakan komponen yang paling penting bagi membawa kemajuan serta kemakmuran, dan aktiviti politik perlu difokuskan kepada pembangunan kemanusiaan. Bagaimanapun ramai melihat politik dari sudut tanggapan negatif. Ini termasuklah menggunakan istilah seperti 'matlamat menghalalkan cara', 'politik itu kotor' dan 'politik wang'.

Dalam membetulkan tanggapan sedemikian, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) merasakan bahawa politik yang berteraskan kepada integriti akan dapat menghindari cara pemikiran politik yang sebegini dan melahirkan pemimpin dan rakyat yang bertanggungjawab terhadap apa yang dilakukannya. Ini diburukkan

oleh kesan ledakan teknologi komunikasi.

Atas kesedaran itu, INTEGRITI merasakan masyarakat perlu diberikan pemahaman serta pendidikan politik yang berlandaskan integriti agar tidak berlaku sebarang ketidakfahaman serta salah faham terhadap sistem politik Malaysia dan peranan dan fungsi Ahli-ahli politik dan institusi yang terlibat dalam sistem politik Malaysia.

INTEGRITI dengan kerjasama MySuara TV telah mengadakan rakaman Program Sembang Integriti Politik yang bertemakan Integriti Politik Orang Muda: Media Sosial Jadi Senjata di Loging Cafe, Wakaf Bharu, Kelantan pada 5 Februari lalu bagi menggalakkan diskusi sihat dan memberikan lebih penerangan berkaitan integriti politik.

Program yang berlangsung selama dua jam ini menampilkan tiga ahli panel iaitu Exco Kerajaan Negeri Kelantan, Dato' Che Abdullah Mat Naw; Pensyarah Politik dan Pentadbiran Universiti Malaysia

Terengganu, Dr. Rosyidah Muhamad dan Pengerusi MAYC Kelantan dan Tokoh Belia Kelantan 2017, Ir. Meor Shamshir Meor Zulkifli dan moderator daripada pihak MySuara iaitu Zahira Radzi.

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk menyediakan platform bagi membincangkan isu-isu berkaitan integriti politik khususnya berkaitan sistem politik Malaysia dan membetulkan persepsi masyarakat terhadap peranan dan fungsi Ahli-ahli politik dan institusi yang terlibat dalam sistem politik Malaysia.

Selain itu, isu-isu yang dibangkitkan menerusi sesi ini dikupas dari kaca mata individu-individu yang pakar di dalam bidang masing - masing untuk melihat kefahaman mereka serta bagaimana INTEGRITI dapat membantu menjelaskan dan merungkai permasalahan tersebut.

INTEGRITI berharap melalui penghasilan Sembang Integriti Politik ini, masyarakat akan mendapat pemahaman yang jelas tentang konsep integriti politik di mana ia diharap akan dapat diterjemahkan kepada pengamalan budaya integriti politik yang lebih telus, bertanggungjawab dan bebas rasuah agar kepentingan masyarakat dan negara akan terpelihara.



Zahira (dua dari kanan) mengendalikan program Sembang Integriti Politik yang dijayakan oleh (dari kiri) Ir Meor Shamshir, Dr Rosyidah dan Dato' Che Abdullah.



Penyelaras Profil Integriti Malaysia, Mohd Rais Ramli mengendalikan bengkel PIO.



Sesi percambahan minda membabitkan kakitangan KEJORA.

## BENGGKEL PEMBANGUNAN PIO KEJORA

Oleh Harisham Ibrahim

Bagi memastikan nilai integriti sentiasa dihayati dan dibudayakan dalam organisasi, Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) telah mengadakan Bengkel Pembangunan Pelan Integriti Organisasi (PIO). Dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI), bengkel ini berlangsung selama tiga hari bermula 20 Februari 2018 di Kuantan, Pahang.

Bengkel ini telah dihadiri oleh seramai 22 kakitangan KEJORA, yang mewakili pelbagai jabatan dan bahagian manakala pihak INTEGRITI pula telah menghantar tiga fasilitator bagi membantu agensi itu membangunkan PIO.

Pada peringkat awalnya, para peserta diberi taklimat tentang proses pembentukan PIO. Mereka seterusnya dibahagikan kepada kumpulan kecil dan diminta mengenal pasti isu-isu integriti yang wujud dalam organisasi mereka. Proses ini dipanggil *brainstorming*, di mana peserta diminta menyenaraikan isu-isu integriti pada 'sticker note'. Selanjutnya, daripada pelbagai isu yang dikemukakan, semua itu dikategorikan kepada beberapa kumpulan dan diserahkan kembali kepada kumpulan untuk dibincangkan secara mendalam.

Langkah seterusnya, memberi penekanan kepada punca masalah atau isu serta cadangan program serta aktiviti untuk menangani masalah atau isu

integriti yang telah dikenal pasti. Bengkel ini turut menggunakan kaedah *World Cafe* bagi menggalakkan para peserta mengemukakan isu-isu integriti yang berlaku dalam organisasi mereka.

Seterusnya para peserta diminta untuk memikirkan strategi dan program-program yang sesuai untuk menangani isu-isu integriti di organisasi mereka.

Akhirnya antara lima strategi PIO KEJORA yang telah dikenal pasti dan dicadangkan oleh peserta adalah (i) memantapkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dan maklumat dalam kalangan anggota KEJORA, pihak-pihak berkepentingan, (ii) meningkatkan imej dan kecemerlangan organisasi, (iii) memperkasakan pengurusan tadbir urus yang komprehensif dan inklusif, (iv)

memantapkan keberkesanan pengurusan sumber manusia, dan (v) memantapkan keberkesanan kepimpinan organisasi.

Setiap kumpulan yang dibahagikan mengikut strategi ini diminta membentangkan program dan aktiviti yang dicadangkan untuk diberikan ulasan dan pandangan oleh semua ahli bengkel. Sesi pembentangan ini turut dihadiri oleh Pengurus Besar KEJORA, Norazman Othman.

Di akhir sesi bengkel, satu deraf PIO KEJORA berjaya dihasilkan. Ia perlu ditambah baik dan diteliti secara mendalam di peringkat KEJORA agar PIO yang dihasilkan ini realistik dan sesuai untuk dilaksanakan.

INTEGRITI akan terus menghulurkan khidmat nasihat kepada KEJORA.



Kakitangan KEJORA bergambar bersama pegawai-pegawai dari INTEGRITI di akhir bengkel PIO.

# TEACHERS, STUDENTS MUST HAVE MUTUAL RESPECT IN CLASSROOM

By Samuel Yesuiah

Published by New Straits Times on February 12, 2018

ACCORDING to a report, cases of parents lodging police reports against teachers are on the rise and are occurring almost every week. Most of the reports involved disciplinary actions taken against their children by the teachers.

Reports were lodged for the simplest of reasons such as their children being scolded by the teachers.

Most of these cases do not warrant police intervention and can be resolved amicably in the school.

Parents need to understand that learning and teaching can take place only when there is discipline and mutual respect in the classroom.

No learning can take place if there is indiscipline.

When a child continuously misbehaves in class while a teacher is teaching, the teacher will have to discipline him.

There are many ways a teacher can discipline a child such as ordering him to stand up, reprimanding him, scolding him or tapping him on the shoulder.

Sometimes, the teacher may discipline the child beyond the permissible boundary if the child is difficult or recalcitrant.

Parents who are unhappy with the mode of punishment should exercise restraint and approach the school principal to resolve the matter.

Sadly, some parents rush to the police station to lodge reports against the teachers.

Dragging teachers to court damages the integrity and honour of teachers.

Parents need to follow the standard operating procedure in dealing with teachers who may have abused their children.

Parents are not allowed to barge into the school and confront the teachers.

The unhappy parents should see the head teacher or principal, and make a formal complaint.

All parties will be heard and the principal will ensure that the mediation is done in an amicable manner.

If the teacher is wrong, he or she must apologise to the parents. If the child needs medical attention, the cost must be borne by the teacher.

If the child is wrong and deserves to be punished, the onus is on the parents to apologise to the teacher.

Sometimes, children exaggerate and do not tell their parents what transpires in school.

In the early days, parents put their whole trust and faith in teachers. This is wonderfully encapsulated in this Malay saying when they hand over their child to the teacher with this advice: "Cikgu buatlah yang terbaik yang cikgu rasa baik untuk anak saya". (Do whatever it takes for the wellbeing of my child.)

"Kalau perlu pukul, pukullah dia. Cuma jangan bagi dia buta atau cacat sudahlah". (If you need to cane, cane him. Just do not make him blind or a cripple).

Today, however, parents drag teachers to court even for scolding their children.

*For illustrative purposes only.*



# CHANGE AND THE IMPORTANCE OF CORE VALUES

By Datuk Yasmin Mahmood

Published by New Straits Times on February 10, 2018

The only thing that's constant in life and business is change. And change is best exemplified in the information, communications and technology (ICT) industry which is constantly evolving for the better, with newer innovations to improve lives, and enable businesses to run more efficiently and productively.

Having been at Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) for more than three years thus far, after having spent my previous chapter at multinational companies such as Microsoft, Dell and HP, I have witnessed first-hand the power and magnitude of digital transformation that pave the way for the Fourth Industrial Revolution.

I have always thought of innovation as being the intersection between invention and insight. And with innovation comes transformation that transcends government, business and society for the better.

However, there is one aspect of transformation that is equally important. And that's cultural transformation which, done correctly, brings positive benefits and significant changes within a company.

Allow me to share the MDEC example.

MDEC's mission is to champion Malaysia's Digital Economy, and for this to happen, it must be rooted in our core values and we must hold ourselves accountable to the highest standard of integrity.

Visitors to the Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) headquarters in Cyberjaya would inevitably see a statement of our core values on the ground floor. They are:

- We serve the nation, and are here to help bring meaningful impact to our country. And we do so with utmost integrity, sincerity and accountability.
- We are go-getters, and do things with

passion, courage, agility and resilience.

- We are forward-thinkers, and constantly look towards the future, anticipate change, are not afraid to challenge the status-quo and connect the dots to maximise impact.
- We are collaborators, meaning we are approachable and respectful, and we believe in the power of partnerships and teamwork.
- We have fun... are adventurous, creative and we inject 'Wow (!)' into everything that we do.

As CEO of MDEC, I am very proud of these values and the MDEC team – because I see my MDEC team bringing them to life on a daily basis.

These core values represent 'our true north', because they are what makes the MDEC team a highly impactful and highly collaborative one.

Evidence of this is how the Digital Economy contributed some 18.2% to Malaysia's GDP in 2015 and is expected to further increase in the years ahead.

However, corporate cultural transformation can be challenging.

At times, the MDEC leadership team and I have had to make some tough decisions to ensure that these core values and integrity continue to be at the heart of everything we do.

We have had to transform processes and to make them more transparent – and be seen as transparent.

I admire and respect MDEC Chairman Tan Sri Sidek Hassan's position on 'Zero Tolerance' or 'ZeTo' on corruption.

It is a position MDEC as a company can relate to: MDEC has Zero Tolerance for any form of corruption.

Let me give you an example.

Through our audit process in 2016, we uncovered issues concerning Foreign Knowledge Workers (FKW) Approval Process and Governance.

This goes against the grain of what MDEC stands steadfastly for.


As a result, under the purview of the Board Audit Committee, we undertook an extensive audit and process transformation to drive transparency. This included:

- (1) Engaging credible third-party consultants to undertake the Business Process Reengineering and an extensive forensic audit to validate issues that had been uncovered.
- (2) The approval process was redesigned to make it a 'committee-based' approval system. Most of the changes came into effect in mid-2017. Since then, we continue to further fine tune and make improvements in the best interest of transparency.
- (3) Issues that may have been discovered during this exercise would have been notified and reported to the relevant authorities.

Embarking on this clean-up exercise was no easy task. It required commitment, patience and most of all, courage – especially in the face of many obstacles and people who were against this positive change for a more transparent and fair process.

As one of the leading organisations in the nation, MDEC is also pursuing the Corruption-Free (also known as "IBR") pledge with MACC. What this means is that MACC will have direct access to us and our people, myself included. It pleases me to say that, when we announced this process, the MDEC Senior Leadership Team volunteered to be the first to go through this audit and to be checked. It's

*Continued on page 15*



Publisher: Cambridge University Press

Published: 2007


Author: Timothy L. Fort

## BUSINESS, INTEGRITY AND PEACE: BEYOND GEOPOLITICAL AND DISCIPLINARY BOUNDARIES

Ethical business behaviour has an unexpected payoff: it reduces the likelihood of violence. This insight forms the basis of *Business, Integrity, and Peace*, first published in 2007. Academic and popular interest in the topics of corporate responsibility and 'peace through commerce' has surged.

This book demonstrates that the adoption of generally accepted ethical business practices does not require wholesale changes in corporate governance. It does require, however, the development of more reflexive and self-regulating models of corporate decision-making, drawing upon three strands of existing corporate responsibility approaches: the legal, the managerial, and the aesthetic. Fort introduces the concept of Total Integrity Management, providing an integrative framework that transcends disciplinary boundaries to create ethical corporate cultures, which in turn offer the best opportunity for corporations to become instruments of peace. *Business, Integrity, and Peace* is an important and provocative work that will appeal to academic scholars, business leaders and policy-makers alike.

## ETHICAL LEADERSHIP: PROGRESS WITH A MORAL COMPASS



Publisher: Routledge

Published: 2018

Author: Joan Marques

This book introduces readers to the moral dilemmas associated with business decisions, helping students to understand the moral and ethical considerations leaders face in the workplace, and providing a framework for balancing business demands with doing the right thing.

The author walks readers through the basics of Western moral philosophy before the 20th century and beyond it, covering Utilitarianism, Universalism, the Golden Rule, and Virtue Ethics as well as compelling Eastern moral philosophy to help readers link individual behavior to the larger scheme of corporate social responsibility. The text combines this with a survey of various leadership theories—such as servant leadership, awakened leadership, authentic leadership, and spiritual leadership—to present a model that combines the strengths of each theory. Students will become familiar with the mindsets behind moral pitfalls along with their potentially disastrous effects and how these can be overcome. Chapter summaries and relevant cases, including studies on Fidel Castro, Wells Fargo, Mylan's EpiPen Price Gouging, and more will help students to place theories in context, learning how to achieve success in business ventures successfully, compassionately and ethically.

With an easy-to-grasp three-part progression and reflective questions for both chapters and cases, *Ethical Leadership* will benefit students of leadership and business ethics.

▼ Dato Dr Anis Yusal memberikan taklimat kepada rombongan Yayasan Pencegahan Rasuah Malaysia (YPRM) yang mengunjungi INTEGRITI pada 12 Februari.



▼ Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin (dua dari kanan) dan Penolong Pengarah Kanan dan Penyelaras Program, Roziah Harun ditemu bual menerusi program Selamat Pagi Malaysia.



▶ Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot mencuba teaser ujian Profil Integriti Malaysia pada 22 Februari.



▶ Datuk Dr Anis Yusal Yusoff menyampaikan cenderahati kepada Setiausaha Persekutuan Sabah, Datuk Nor Rizan Mohd Thani.



▶ Pemimpin pelajar UNIRAZAK bergambar bersama Datuk Dr Anis Yusal Yusoff semasa lawatan mereka ke INTEGRITI.

From page 13

very heartening because it shows that core values and integrity are not just corporate statements, but that the team is leading by example even if such a process may be perceived to be inconvenient and tedious.

Another initiative that MDEC is implementing is developing our very own Code of Ethics and Business Conduct.

While such processes may be

time-consuming and tedious, it is our commitment to our core values and integrity that would ensure MDEC continues serving Malaysia and helping our country realise our digital potential to its fullest. Failure to see through such commitment would mean that we have let down the country.

At the end of the day, though, integrity is what defines us as people and as

professionals. Yes, change is constant and transformation is important – but what's equally or more important is integrity and the core values within us all to always do the right thing.

*Datuk Yasmin Mahmood is Chief Executive Officer of Malaysia Digital Economy Corporation.*



[www.integrity.my](http://www.integrity.my)

